

Huruf *Ya* dan Kepeatingannya



Selain huruf alif, huruf *ya* juga tidak kurang pentingnya dalam tulisan Jawi. Meskipun huruf *ya* merupakan antara huruf yang terletak pada hujung susunan aksara tulisan Jawi, kepeatingannya terhadap tulisan warisan bangsa ini tidak boleh dinafikan. Kedudukannya yang begitu penting dapat dilihat menerusi fungsinya yang pelbagai. Apakah fungsinya itu? Sedarkah anda bahawa huruf *ya* memainkan peranan yang penting untuk membezakan perkataan homograf yang memiliki dua makna yang berbeza seperti perkataan “rendang”?

Pada dasarnya, huruf *ya* merupakan padanan konsonan “y” dalam tulisan Rumi. Misalnya, perkataan “yuran” dieja dengan *ya-wau-ra-nun* manakala perkataan “kayu” dieja dengan *kaf-alif-ya-wau*. Contoh ejaan perkataan-perkataan ini dapat dilihat dalam Jadual 1.

Selain berfungsi sebagai padanan kepada huruf “y” dalam tulisan Rumi, huruf *ya* juga merupakan lambang kepada

Jadual 1 Huruf *ya* berfungsi sebagai padanan konsonan “y”.

Rumi	Jawi
yuran	يورن
yakin	يقين
kayu	كايو

Jadual 2 Contoh penggunaan huruf *ya* sebagai lambang vokal [i].

Suku kata	Di tengah	Di akhir
terbuka	سيغا	بومي
	singa	bumi
terbuka	ليقس	تمفي
	lipas	tampi
tertutup	ليمقا	راجين
	limpa	rajin
tertutup	دينديغ	فنجيغ
	dinding	pancing

vokal [i]. Huruf *ya* merupakan satu daripada huruf saksi atau huruf vokal dalam tulisan Jawi. Vokal [i] dilambangkan dengan huruf *ya* apabila hadir pada suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau akhir kata. Contoh perkataan yang menggunakan huruf *ya* sebagai lambang vokal [i] disenaraikan dalam Jadual 2.

Bagi vokal [i] yang hadir pada awal kata pula, huruf alif-*ya* digunakan sebagai lambang dalam tulisan Jawi. Dalam kes ini, huruf *ya* tidak boleh digunakan sebagai padanan. Jadual 3 menyatakan beberapa contoh perkataan yang tergolong dalam kategori ini.

Jadual 3 Vokal [i] yang dilambangkan dengan huruf alif-*ya*.

Rumi	Jawi
ikat	ايكت
intan	اينتن
import	ايمپورت

Huruf *ya* juga ada kalanya digunakan sebagai lambang kepada vokal [e] taling. Huruf *ya* sebagai lambang vokal [e] taling ini juga boleh hadir sama ada pada suku kata terbuka atau suku kata tertutup di tengah atau pada akhir kata sama seperti dalam kes vokal [i]. Contoh perkataan yang

Jadual 4 Contoh penggunaan huruf *ya* sebagai lambang vokal [e] taling.

Suku kata	Di tengah	Di akhir
terbuka	ليبر	تاوكي
	lebar	taugeh
terbuka	بيحتي	تيمفي
	becak	tempe
tertutup	ليبتيرا	كيليق
	lentera	kelek
tertutup	تيمفغ	ليمفغ
	tempang	lempeng

mengandungi vokal [e] taling adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 4.

Huruf alif-*ya* pula digunakan sebagai lambang vokal [e] taling yang hadir pada awal kata sebagaimana yang berlaku dalam kes vokal [i]. Contoh perkataan ini tersenarai dalam Jadual 5.

Jadual 5 Vokal [e] taling yang dilambangkan dengan huruf alif-*ya*.

Rumi	Jawi
ekor	ايكور
enteng	اينتغ
eksport	ايمكسپورت

Jadual 6 Peranan huruf *ya* untuk membezakan ejaan perkataan homograf.

Rumi	Jawi	Maksud
rendang	رندغ	sejenis lauk yang dibuat daripada daging yang dirempah-rempahi
	ريندغ	rendah dan banyak daun serta cabangnya
perang	فرغ	perkelahian
	فدرغ	merah yang kehitam-hitaman

Meskipun huruf ini tidak berada di awal susunan aksara tulisan Jawi, kepeatingannya boleh dikatakan “setanding” dengan huruf alif yang banyak dibincangkan dalam ruangan Wacana Jawi sebelum ini.

Oleh sebab itu, huruf *ya* yang mewakili [e] taling ini mempunyai peranan yang amat penting untuk membezakan ejaan perkataan homograf seperti “rendang” dan “perang” dalam tulisan Jawi. Jadual 6 menjelaskan perbezaan ejaan perkataan ini.

Demikianlah peri pentingnya huruf *ya* dalam tulisan Jawi. Meskipun huruf ini tidak berada pada awal susunan aksara tulisan Jawi, kepeatingannya boleh dikatakan “setanding” dengan huruf alif yang banyak dibincangkan dalam ruangan Wacana Jawi sebelum ini. Katakan “*ya*” kepada huruf *ya* apabila ditanya tentang kepeatingannya. DB